

Asri: Hudud hanya atasi jenayah tertentu, bukan gambaran negara Islam
The Malaysian Insider
29 September , 2011

KUALA LUMPUR, 29 Sept — Hukum hudud hanya mekanisme untuk mengatasi jenayah-jenayah tertentu dan bukannya gambaran keseluruhan negara Islam, kata bekas mufti Perlis Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Malah kata beliau, bukan hudud juga undang-undang yang merangkumi semua jenayah.

Asri (gambar) melahirkan pandangan ini ketika hukum hudud kembali sebagai isu kontroversi selepas PAS menggerakkan usaha ke arah itu 17 tahun lalu.

Minggu lalu beliau berkata belum ada masa yang kondusif untuk melaksanakan hukum hudud di negara ini.

"Banyak lagi jenayah yang tidak tersenarai di bawah hudud. Peratusan besar jenayah yang pelbagai, terutama di zaman ini berada di bawah takzir.

"Mekanisme ini pula memerlukan suasana yang kondusif untuk perlaksanaannya," kata beliau dalam satu tulisan hari ini.

Asri berkata seseorang Muslim apabila berbicara tentang pemerintahan dan tanggungjawab pemerintahan bukanlah membayangkan mekanisme mengatasi jenayah semata, tetapi membayangkan tanggungjawab keadilan dan kebajikan yang menjadi asas tersebarinya kebaikan dan keamanan dalam negara.

Asri juga berkata ramai orang salah sangka apabila membayangkan negara yang dipimpin berdasarkan al-Quran dan a-sunah itu sebagai negara yang agenda utamanya mengintip dan menghukum rakyat yang tidak mematuhi syariat.

"Gambaran negara yang islamik sebagai negara yang sibuk mencari pesalah untuk dihukum dengan undang-undang hudud adalah gambaran yang silap yang ada di fikiran sesetengah pihak yang kurang memahami Islam.

Katanya, dalam hudud ada dua jenis dosa yang dihukum iaitu dosa yang membabitkan kesalahan individu dengan Allah S.W.T seperti berzina dan minum arak dan dosa yang merosakkan atau mengancam keselamatan masyarakat awam seperti merompak, merogol, mencuri, memberontak dan perkara yang berkaitan dengannya.

Asri menjelaskan, "dosa bahagian pertama Islam melarang kita melakukan tajassus ataupun intipan manakala dosa bahagian kedua, oleh kerana ia mengancam masyarakat dan fitnah lebih besar dari tajassus, maka intipan boleh dilakukan.

The Malaysian Insider

Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/asri-hudud-hanya-atasi-jenayah-terten>

tu-bukan-gambaran-negara-islam/